

Kabinet diminta bantu cegah kegiatan militan pelajar

Oleh JOHARDY IBRAHIM

UM - 4 SEP 2001

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan Kabinet supaya saling bantu membantu memperkasakan undang-undang bagi mencegah menularnya kegiatan militan bawah tanah di kalangan pelajar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kementerian-kementerian berkaitan dengan pelajar dan penguatkuasaan serta Jabatan Perdana Menteri (JPM) diarah membantu antara satu sama lain bagi menangani gejala itu.

Dalam hal ini, kata Rais, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad esok, bagi menentukan garis panduan penguatkuasaan undang-undang bagi membendung fenomena tersebut.

Menurutnya, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pelajar yang terbabit dalam kegiatan bawah tanah atau sebarang bentuk kekerasan untuk menggulingkan kerajaan.

"Pelajar-pelajar terbabit dengan kegiatan seumpamanya boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas merasmikan persidangan Sistem Perundangan Asia dan Integrasi Serantau di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya di sini, hari ini.

Dr. Rais diminta mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini yang memetik sumber yang mendakwa lebih 2,500 pelajar di lima universiti awam utama tempatan terbabit dalam gerakan bawah tanah yang bergerak menerusi pertubuhan tidak berdaftar.

Menurut sumber itu, berdasarkan pengamatan dan kajian yang dibuat, gerakan itu yang bersifat mahu menjatuhkan kerajaan sedia ada telah bergerak dan bertapak di negara ini lebih 10 tahun lalu.

Menjelaskan lebih lanjut pertemuan dengan Musa esok, Rais berkata, mereka berdua akan turut membincangkan kaedah untuk menggubal peraturan 'akujanji' sebagai dokumen kontrak bagi pelajar sedia ada dan yang akan datang supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Pemantauan akan dikenakan terhadap tenaga pengajar supaya mereka hanya menumpukan perhatian kepada tugas sebagai pendidik," katanya.